

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH

TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik bilangan nelayan asing pada 2015/2016 yang telah ditangkap kerana menceroboh perairan Malaysia dengan butiran negara asal mereka dan apakah tindakan ke atas mereka yang terlibat.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berikut merupakan Statistik Bilangan Nelayan Asing 2015/2016 yang telah ditangkap kerana menceroboh perairan Malaysia;

TAHUN / NEGARA	VIETNAM	INDONESIA	THAILAND	FILIPINA	JUMLAH
2015	629	193	25	33	880
2016	531	180	5	15	731
JUMLAH	1160	373	30	48	1611

2. Tekong dan krew akan dihadapkan ke mahkamah untuk proses perbicaraan. Jika didapati bersalah mereka akan dijatuhi hukuman penjara dan denda. Bagi OKT di bawah umur mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk pengusiran. Manakala barang eksibit akan dilucut hak dan wang hasil lelongan ikan diserahkan kepada kerajaan Malaysia. Dalam tempoh 2015 hingga 2016 sebanyak 230 buah bot telah dilucut hak dengan nilai RM 13,902,014.10 serta hasil lelongan ikan sebanyak RM 313,994.50 dan nilai hasil denda sebanyak RM 8,717,878.00 telah direkodkan.

Sekian, terima kasih.